

**PEMBIAYAAN PERIBADI-I
LEMBARAN PENYATAAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Peribadi-i AmBank Islamic Berhad (295576-U). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am dimana ia akan diberi kepada pelanggan oleh pihak Bank.

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Pembiayaan Peribadi-i adalah untuk kakitangan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan berkanun yang terpilih yang boleh membuat pemotongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Segala urusan pemotongan gaji melalui BPA untuk pembiayaan ini akan diuruskan oleh pihak Pemegang Kod yang memiliki kod potongan gaji BPA.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Bai' Inah iaitu akad jual beli yang disusuli dengan pembelian semula oleh penjual dengan harga yang berbeza

3. Apakah yang saya akan dapat melalui tawaran dari produk ini?

- Jumlah pembiayaan [Amaun Fasiliti] dipohon: RM _____
- Tempoh pembiayaan: _____ tahun
- Kadar keuntungan pembiayaan adalah berdasarkan kadar rata _____%
- Kadar Keuntungan Berkesan _____ %

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Anggaran bayaran bulanan (termasuk Keuntungan Tempoh Tanggahan): RM _____
- Anggaran Harga Jualan Bank adalah: RM _____

Nota: Bayaran bulanan hanya perlu dibuat oleh Pelanggan bermula pada bulan keempat selepas amaun fasiliti dikreditkan ke dalam akaun pelanggan.

5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

Lembaga Hasil Dalam Negeri [LHDN]

Duti Setem: Dokumen prinsipal [0.5% dari jumlah kasar Amaun Fasiliti] + RM10 untuk Surat Kelulusan.

AmMetLife Takaful Berhad [panel takaful pihak Bank]

Sumbangan Takaful: Tertakluk kepada Amaun Fasiliti, tempoh pembiayaan dan umur pelanggan [dimana berkenaan].

Biro Perkhidmatan Angkasa [BPA]

Yuran Bulanan BPA: 2% daripada bayaran bulanan akan dikenakan ke atas pelanggan setiap bulan oleh BPA.

6. Apakah jumlah bersih Amaun Fasiliti?

Jumlah bersih Amaun Fasiliti = Jumlah kasar Amaun Fasiliti tolak (Duti Setem + Sumbangan Takaful [dimana berkenaan]).

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut (TPPTM) memberi perlindungan dari segi kematian dan hilang upaya kekal dan keseluruhan. Ia boleh dibiayai oleh pihak Bank sebagai sebahagian daripada Pembiayaan Peribadi-i ini untuk membantu pelanggan menjelaskan pembiayaan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

Nota: Pihak Bank boleh memberi sebutharga untuk sebarang perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful pihak Bank. Walaubagaimanapun, pelanggan adalah bebas untuk memilih perkhidmatan Takaful dari syarikat Takaful yang lain atau memilih untuk tidak mengambil sebarang perlindungan Takaful.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang di peruntukan?

Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:

- (i) Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau
- (ii) Pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Fasiliti, pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1.	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian	i. Bayaran Bulanan tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak
2.	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan	Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman

Nota:

- i. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun
- ii. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak
- iii. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia
- iv. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi
- v. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan

9. Bagaimana sekiranya hutang pembiayaan dilangsaikan sebelum tempoh matang?

Bank akan memberi *ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Aset yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:

- a. Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling / dipersetujui.
- b. Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
 - (i) Penebusan atau prabayaran Kemudahan
 - (ii) Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan
 - (iii) Di dalam kes ingkar oleh Pelanggan
 - (iv) Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput

ibra' (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-

$ibra' (rebat) = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$

10. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

Sekiranya kehilangan pekerjaan atau menghadapi masalah pekerjaan, pelanggan masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran bulanan kepada pihak Bank.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tidak

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Anda perlu memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat peribadi anda untuk memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh :

- i. Menghubungi Pusat Panggilan Pelanggan kami di talian: +603-2178 8888 **ATAU**
- ii. Kunjungi cawangan kami yang berhampiran

13. Bagaimana jika saya ingin mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat nasihat?

- Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi:

AmBank Islamic Berhad
Pejabat Perhubungan Kutipan
Aras Bawah, Wisma AmBank
No.113, Jalan Pudu
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2054 6688
Faks: 03 - 2058 1818

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma terhadap pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Emel: enquiry@akpk.org.my

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau servis yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

AmBank Islamic Berhad
Pusat Panggilan Pelanggan – One
Stop Resolution
Tingkat 18, Menara AmBank
No.8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2178 8888
Emel:
customercare@ambankgroup.com

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sila rujuk kepada risalah produk untuk butiran terperinci seperti ciri-ciri, keistimewaan, manfaat dan caj yuran produk yang sedia ada di semua cawangan atau anda juga boleh layari ambankislamic.com atau www.bankinginfo.com.my .

Nota:

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda jika anda tidak membuat pembayaran bagi akaun pembiayaan peribadi anda dengan sewajarnya.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah mulai 1 September 2018.